

Kempen MILO® Tenaga Untuk Kebaikan 2026

Soalan – Soalan Lazim (FAQ)

Q1: Siapa yang boleh menyertai Kempen ini?

Kempen ini terbuka kepada seluruh sekolah rendah Semenanjung Malaysia di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan (SJKC & SJKT). Pemilihan sekolah yang terlibat akan ditentukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak MILO berdasarkan kriteria sekolah yang mempunyai jumlah murid lebih daripada 500 orang pelajar, sekolah yang mempunyai Kelab Alam Sekitar / Kelab Pencinta Alam / Kelab Kitar Semula yang aktif dan atas budi bicara pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Q2: Berapa lamakah tempoh Kempen ini?

Kempen ini akan berlangsung mengikut fasa-fasa yang telah ditetapkan:

Fasa 1 – Peringkat Pendaftaran akan bermula pada jam 14:00:00 pada 22/06/2026 dan tamat pada jam 23:59:59 pada 01/07/2026.

Fasa 2 – Peringkat Negeri akan bermula pada jam 00:00:00 pada 15/07/2026 dan tamat pada jam 23:59:59 pada 15/10/2026.

Fasa 3 – Peringkat Kebangsaan akan bermula pada 00:00:00 pada 19/10/2026 dan tamat pada jam 11.59.59 pada 26/10/2026.

Q3: Bagaimanakah Kempen ini memberi manfaat kepada sekolah yang menyertai?

Kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menyemarakkan rasa semangat dan tanggungjawab terhadap bumi di kalangan generasi muda, memberi inspirasi kepada mereka untuk mengamalkan kitar semula dalam kehidupan seharian sambil mendidik mereka tentang kesan jangka masa panjang kitar semula dalam membina kehidupan yang lebih mampan. Sekolah yang turut serta akan diberi ganjaran untuk usaha kitar semula mereka melalui Sistem Mata UBC, di mana mereka boleh menebus Set Sukan dan Set Bilik Darjah bergantung kepada jumlah mata terkumpul mereka.

Q4: Bagaimanakah sistem mata UBC berfungsi?

Sistem Mata UBC MILO® Tenaga Untuk Kebaikan ("Mata UBC") memberi ganjaran kepada sekolah berdasarkan berat dan pengasingan Karton Minuman Terpakai (UBC) yang dikumpulkan. Guru Penyelaras ("SPOC") disarankan untuk mengasingkan produk NESTLÉ untuk memaksimumkan Mata.

Q5: Apakah jenis Karton Minuman Terpakai (UBC) yang diterima dalam Kempen ini?

Terdapat dua (2) jenis UBC yang diterima dalam Kempen ini, iaitu produk UHT MILO® dan Nestlé (“Produk Turut Serta”); dan pek UHT daripada jenama bukan Nestlé yang lain.

Produk MILO® dan Nestlé yang mengambil bahagian termasuklah:

Jenama Nestlé	No	Produk
MILO ® Ready-to-Drink	1	MILO® UHT 125ml; 200ml and 1L
	2	MILO® CALCIUM PLUZ UHT 200ml
NESTLÉ OMEGA PLUS	3	NESTLÉ OMEGA PLUS UHT Plain Milk 200ml and 1L
	4	NESTLÉ OMEGA PLUS UHT Dark Chocolate 200ml

Q6: Apakah barang-barang yang akan disediakan kepada 200 sekolah yang terpilih?

Setiap sekolah yang terpilih akan menerima set berikut:

- Pek taklimat digital dan tool kit
- Satu (1) unit beg Jumbo berwarna hijau
- Satu (1) unit beg Jumbo berwarna putih
- Poster digital MILO® Tenaga Untuk Kebaikan 2026
- Kain rentang “banner”

Q7: Bagaimanakah proses pengumpulan Karton Minuman Terpakai (UBC)?

I. Pelajar dan AJK sekolah yang turut serta memastikan bahawa UBC yang dibawa telah dikosongkan, dibersihkan dan dikeringkan, sama ada Produk Turut Serta atau produk jenama Bukan Nestlé ke sekolah. Sebelum menyerahkannya, pelajar hendaklah:

- Membalikkan UBC telah dikosongkan, dibersihkan dan dikeringkan.
- Setelah UBC kering, peserta hendaklah membalikkan bahagian atas UBC.
- Mengepak bahagian bawah UBC.
- Meratakan UBC.

II. Wakil Guru Penyelaras (“SPOC”) akan mengasingkan UBC ke dalam bag jumbo yang disediakan.

III. KPT Packaging Sdn. Bhd. (Ejen Pengumpulan) akan menjalankan pengumpulan UBC berdasarkan jadual yang ditetapkan:

- Menimbang UBC di lokasi.
- Log masuk ke Dashboard MILO® Tenaga Untuk Kebaikan (“Dashboard”) untuk mengemas kini berat yang direkodkan dan muat naik imej resit.
- Mengeluarkan Resit Fizikal (“Resit”) kepada SPOC.

Q8: Bagaimanakah sekolah memperoleh mata daripada UBC yang dikumpul?

I. Sistem Mata UBC MILO® Tenaga Untuk Kebaikan ("Mata UBC") memberi ganjaran kepada sekolah berdasarkan kuantiti dan pengasingan Karton Minuman Terpakai (UBC) yang dikumpulkan.

II. Peruntukan Mata:

Jenis UBC	Diasingkan	Bercampur
1 Kilogram ("KG") UBC dari Produk Penyertaan	3 Mata UBC setiap KG	1 Mata UBC setiap KG
1 KG UBC dari jenama lain	1 Mata UBC setiap KG	

III. Berat akan direkodkan sehingga satu (1) titik perpuluhan.

Q9: Bagaimanakah mata UBC direkod?

Rekod mata UBC adalah seperti berikut:

I. Setiap SPOC akan menerima satu (1) akaun log masuk unik ke Dashboard untuk merekod Mata UBC dan menebus Ganjaran ("Ganjaran").

II. Sebaik sahaja jumlah Mata UBC yang diperlukan dicapai, SPOC boleh menebus Ganjaran serta-merta tanpa perlu menunggu Kempen berakhir.

Q10: Apakah item yang boleh ditebus dengan mata UBC?

SPOC boleh memilih untuk menebus item dari Katalog Penebusan MILO® Tenaga Untuk Kebaikan, antaranya:

- Set Sukan: Trek & Padang (150 Mata UBC)
- Set Sukan: Ping Pong (200 Mata UBC)
- Set Sukan: Bola Jaring (300 Mata UBC)
- Set Bilik Darjah (200 Mata UBC)

Sekolah yang turut serta layak untuk menebus **maksimum 1 Set Sukan** dan 1

Set Bilik Darjah. Mata UBC sekolah akan ditolak apabila permohonan penebusan dikemukakan.

Q11: Apakah kriteria untuk Anugerah Pengumpul Tertinggi?

- Bagi Peringkat Negeri, sekolah yang memperoleh Mata Purata Tertinggi di setiap negeri akan dipilih sebagai Johan Negeri dan secara automatik layak ke Peringkat Kebangsaan.
- Satu pemenang bagi Sekolah Pengumpul tertinggi bagi peringkat negeri akan memenangi:
 - Piala/ Plak x 1 unit; dan;
 - Hadiah wang tunai berjumlah RM1,000; dan;
 - Sijil Pemenangan untuk sekolah, AJK murid dan SPOC

Pengumuman rasmi pemenang peringkat negeri akan dimaklumkan melalui emel rasmi milo.energy4good@gmail.com kempen MILO® Tenaga Untuk Kebaikan (<https://www.milo.com.my/ms/kelestarian/milo-tenaga-untuk-kebaikan-program-sekolah-2026>) .

Q12: Apakah kelayakan dan kaedah penilaian bagi Peringkat Kebangsaan?

- I. Bagi Peringkat Kebangsaan, setiap Johan Negeri perlu menghantar satu (1) video berdurasi minimum satu (1) minit dan maksimum dua (2) minit secara dalam talian yang memaparkan perjalanan pelaksanaan kempen di sekolah masing-masing, termasuk proses pengumpulan, usaha yang dilaksanakan, penglibatan warga sekolah serta pembelajaran dan impak yang diperoleh melalui program ini.
- II. Pemenang Peringkat Kebangsaan akan ditentukan melalui penilaian dalaman berdasarkan kualiti kandungan video yang dihantar serta pematuan kepada kriteria yang ditetapkan oleh penganjur.
- III. Ahli Jawatankuasa (AJK) Murid yang terlibat dalam kempen ini juga layak menerima pengiktirafan kokurikulum berdasarkan senarai penyertaan yang dikemukakan oleh pihak sekolah.
- IV. Hadiah Peringkat Kebangsaan:
Satu (1) sekolah yang dipilih sebagai pemenang Peringkat Kebangsaan akan menerima:
 - Piala Pusingan (1 unit);
 - Wang tunai berjumlah RM1,000; dan
 - Sijil Penghargaan.

Q13: Apakah Kriteria Penjurian video Peringkat Kebangsaan?

Penjurian video akan dibuat berdasarkan kriteria berikut:

- i. **Keselarasan dengan Tema (30%)** – Video memaparkan usaha pengumpulan UBC selama 3 bulan, meningkatkan kesedaran alam sekitar dan amalan lestari, serta menonjolkan pembelajaran dan perkongsian dalam komuniti sekolah.
- ii. **Usaha dan Penyertaan (30%)** – Pasukan menunjukkan penglibatan aktif murid dan komuniti sekolah; bilangan pelajar yang terlibat; menunjukkan kerjasama berpasukan.
- iii. **Kreativiti dan Penceritaan (20%)** – Pasukan menyampaikan idea yang asli dan menarik, naratif yang jelas dan mudah difahami. Penggunaan visual, muzik atau grafik untuk menambah daya tarikan.
- iv. **Impak dan Hasil Pembelajaran (15%)** – Penyampaian yang jelas dengan apa yang murid pelajari, menunjukkan perubahan sikap atau kesedaran terhadap tanggungjawab alam sekitar.

Q14: Apakah tempoh pemenuhan untuk penebusan mata UBC?

Apabila permintaan penebusan dikemukakan, sekolah yang turut serta akan menerima pengesahan penebusan. Pemenuhan akan diselesaikan dalam tempoh 90 hingga 120 hari bekerja dari tarikh pengesahan.

Q15: Bolehkah sekolah yang mengambil bahagian membuat penebusan sebelum tempoh Kempen tamat?

Ya, sekolah yang turut serta boleh membuat penebusan apabila mata terkumpul UBC mencukupi tanpa perlu menunggu sehingga Kempen tamat.

Q16: Apakah Terma Tambahan untuk Kempen ini?

I. Mata UBC yang dikumpul mesti ditebus dalam tempoh Kempen dan hanya boleh digunakan untuk Set Sukan dan/atau Set Bilik Darjah seperti yang disediakan oleh Penganjur.

II. Sebarang Mata UBC yang tidak ditebus selepas tempoh Kempen akan terbatal secara automatik dan tidak boleh dipindahkan, dibawa ke hadapan, atau ditukar untuk Kempen lain pada masa akan datang.

III. Item penebusan dan hadiah bagi Anugerah Pengumpul Tertinggi diberikan seadanya ("as is") dan tidak boleh ditukar dengan kredit, barangan lain, atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya. Item yang telah ditebus juga tidak boleh ditukar, dipindahkan, atau dikembalikan dalam bentuk wang tunai atau sebarang bentuk pampasan lain.

IV. Penganjur berhak sepenuhnya untuk menggantikan mana-mana ganjaran penebusan UBC atau hadiah Anugerah Pengumpul Tertinggi dengan item lain yang mempunyai nilai setara pada bila-bila masa tanpa sebarang notis awal.

V. Pihak Penganjur berhak untuk meminta sekolah yang turut serta memberikan butiran yang tepat, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat berdaftar sekolah dan salinan asal Resit KPT, untuk tujuan pengesahan sebelum penebusan dipenuhi. Pihak Penganjur juga mungkin memerlukan dokumen tambahan bagi tujuan pengesahan. Kegagalan untuk memberikan maklumat, butiran yang tidak tepat, atau dokumen yang dipalsukan akan mengakibatkan kehilangan kelayakan untuk penebusan.

VI. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, pembatalan, penangguhan, perubahan atau pengubahsuaian dalam Kempen, Ganjaran UBC, atau Anugerah Pengumpul Tertinggi akibat keadaan yang di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan kerajaan, kekacauan awam, rusuhan, peperangan, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang keganasan, permusuhan, darurat nasional, atau wabak penyakit/pandemik) serta sebarang kegagalan atau kecuaiian oleh pembekal atau vendor pihak ketiga.

VII. Sebarang kos tambahan lain (contoh: kos perjalanan, kos pengangkutan) yang terlibat untuk menebus atau mengutip hadiah perlu ditanggung oleh Peserta dengan kos mereka sendiri.

Q17: Bagaimana orang ramai boleh mengambil bahagian dalam Kempen ini?

Orang ramai boleh mengambil bahagian dalam kempen kitar semula kami melalui Projek CAREton yang mengubah pek minuman menjadi jubin bumbung 'hijau' dan papan panel untuk mereka yang memerlukan. Untuk maklumat lanjut tentang Projek CAREton, lawati www.milo.com.my/sustainability/milo-careton-project-latest-happenings.

Q18. Sekiranya guru atau pihak sekolah memerlukan sebarang bantuan, penjelasan, atau mempunyai sebarang pertanyaan, apakah saluran dan nombor talian yang boleh dihubungi?

Pihak sekolah atau SPOC boleh menghubungi Paluan Sejati Sdn Bhd (agen lantikan MILO) di nombor telefon pejabat di 03-7725 4546 pada waktu pejabat, iaitu 9.00 pagi hingga 5.30 petang.

Q19. Bagaimana sekolah boleh mengetahui sama ada layak ke Peringkat Negeri?

Pihak sekolah akan menerima emel rasmi daripada pihak MILO yang dihantar ke alamat emel yang didaftarkan semasa proses pendaftaran program. Selain itu, keputusan dan pengumuman sekolah yang layak ke Peringkat Negeri akan dibuat pada 6 Julai 2026 melalui saluran komunikasi rasmi yang ditetapkan oleh Penganjur.

Sekiranya pihak sekolah tidak menerima sebarang makluman selepas tarikh tersebut, sekolah boleh menghubungi pihak Penganjur untuk mendapatkan pengesahan lanjut.

Q20. Bagaimanakah cara untuk mendaftarkan sekolah?

Pihak sekolah hendaklah mengimbas kod QR yang disediakan pada poster kempen dan melengkapkan borang pendaftaran dengan mengisi semua maklumat yang diperlukan sebelum jam 23:59:59 pada 01/07/2026. .

Q21. Apakah tarikh tutup pendaftaran?

Tarikh tutup pendaftaran adalah pada 1 Julai 2026, jam 23:59:59 malam.

Q22. Bolehkah sekolah mendaftar selepas tarikh tutup pendaftaran?

Pendaftaran selepas tarikh tutup tidak akan diterima kecuali dengan kebenaran khas daripada pihak penganjur.

Q23. Apakah kriteria Pendaftaran?

Kempen ini terbuka kepada semua sekolah rendah (SK/SJKC/SJKT) di seluruh Semenanjung Malaysia di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang memenuhi kriteria Kempen MILO® Tenaga Untuk Kebaikan.

- 1) Kriteria pemilihan sekolah berdasarkan sekolah rendah yang mempunyai Kelab Alam Sekitar / Kelab Pencinta Alam / Kelab Kitar semula yang aktif
- 2) Mempunyai bilangan murid lebih daripada 500 orang
- 3) Sekiranya bilangan sekolah yang memenuhi syarat kelayakan Kriteria 1 dan 2 melebihi kuota yang diperuntukkan, keutamaan pemilihan akan diberikan kepada sekolah yang telah melengkapkan pendaftaran dalam tempoh terawal.

Hanya 200 buah sekolah rendah akan disenarai pendek oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak MILO berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.